



Firefly-AGS tawar kad keahlian

KUALA LUMPUR 18 Ogos – Syarikat penerbangan komuniti tempatan, Firefly Sdn. Bhd. (Firefly) dan Advantage Golfing Solution (AGS) hari ini melancarkan kad keahlian bersama Golf AGS-Firefly di Green Canopy, Setia Eco-Park, Shah Alam.

Kad Golf AGS-Firefly menawarkan kemudahan bermain golf di seluruh negara, dengan mempunyai hampir 50 kelab golf bersekutu dan pusat peranginan untuk dipilih serta pusingan permainan golf tanpa terhad pada kadar diskaun sepanjang tahun, kata satu kenyataan bersama di sini hari ini.

Ketua Pemasaran dan Komunikasi Firefly, Angelina Fernandez berkata: "Kerjasama dengan AGS membuktikan sokongan yang ber-

terusan kepada pemain golf manakala tempat pelepasan dari Skypark Subang Terminal memberikan kemudahan.

"Selain itu, kami menawarkan yuran pengendalian bagasi golf pada harga diskaun; elaun bagasi antarabangsa biasa sebanyak 20 kilogram, tempat duduk yang ditetapkan, serta minuman dan snek percuma.

"Kami hanya mahu pemain golf rileks dan menikmati pengalaman menerbang dengan Firefly sebelum perlawanan mereka bermula," katanya dalam kenyataan itu.

Sementara itu, Pengarah Jualan AGS, Shima Taha berkata, kad tersebut paling digemari oleh pemain golf dan memiliki lebih 6,000 pemegang kad aktif sehingga ini.

"Kami menawarkan destinasi

yang jarang diteroka dan unik pada kadar yang berpatutan untuk ahli kami, justeru menarik mereka dengan harga tiada bandingan meskipun berdepan dengan kelembapan ekonomi," ujarnya.

Menurutnya, kursus golf butik dan pusat peranginan yang ditawarkan kepada ahli-ahlinya terdapat di Batam, Pekanbaru, Medan dan Koh Samui, yang mana juga merupakan destinasi penerbangan Firefly.

"Kerjasama dengan Firefly akan merangsangkan kesedaran kepada pasaran yang belum ditembusi, dan pada masa yang sama, menyediakan kecekapan dan kemudahan pengangkutan," tambahnya.



ANGELINA Fernandez bersama-sama Tan Cheng Hooi menunjukkan kad replika keahlian Golf AGS-Firefly, di Shah Alam semalam.